



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (72) 07/10

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI WARGA VETERAN ATM DAN KOMUNITI DIALOR GAJAH, MELAKA

1. **ALOR GAJAH, 26 OKTOBER 2024 – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari** hari ini menyempurnakan Majlis Penyerahan Rumah Baik Pulih kepada Puan Alimah binti Rahim iaitu balu kepada veteran ATM Encik Samsuddin bin Samah. Tentera Darat Malaysia (TDM) melalui Skuadron Ke-9 Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) telah melaksanakan pembaikkan ke atas rumah beliau menerusi Program Jiwa Murni (PJM) iaitu sebuah program di bawah inisiatif TDM. PJM adalah merupakan salah satu inisiatif dalam meningkatkan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan masyarakat. Program ini dijalankan dengan tujuan untuk meningkatkan penglibatan rakyat serta seluruh komuniti masyarakat dalam aspek pertahanan dan keselamatan negara.
2. Turut serta menerima manfaat daripada program ini ialah tiga orang penerima lain iaitu seorang Veteran ATM, Encik Mohd Rafei bin Jantan dari Kampung Belakang Pekan, Puan Abidah binti Maurob dari Kampung Belimbang Dalam dan Puan Zuraida binti Salim dari Kampung Sungai Petai. YB Adly Zahari telah menyerahkan Plaque Rumah dan Bakul Rahmah kepada semua penerima sebagai simbolik penyerahan rumah yang telah siap dibaik pulih. **Skop kerja pembaikan telah bermula pada 7 September dan siap sepenuhnya pada 13 Oktober 2024 meliputi kerja-kerja menukar struktur papan yang usang kepada bata, memasang kerangka dan bumbung bagi membaiki bumbung yang rosak, melepa dan mengecat dinding serta pendawaian elektrik.** Hadir sama dalam majlis penyerahan ini ialah Panglima 3 Divisyen, Mejar Jeneral Dato' Indera Zahari bin Mohd Ariffin.
3. Terdahulu pada sebelah pagi, **YB Timbalan Menteri Pertahanan telah melaksanakan aktiviti gotong-royong** iaitu membersihkan kawasan rumah Encik Abu Bakar@Dak Zam yang terletak di Kampung Pulau, Durian Tunggal. Di kesempatan itu, YB Adly turut meluangkan masa menyantuni beliau serta **mengagihkan 200 Bakul Rahmah** kepada penduduk kampung. Program tersebut adalah sebahagian daripada program PJM yang turut disertai 9 Skn RAJD dan Rejimen 514 Askar Wataniah (514 AW).
4. Pada 25 Oktober 2024, YB Adly telah menghadiri Majlis Penutup Program Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Dol Said, Alor Gajah. **JERI adalah sebuah program yang memberi penekanan kepada aspek spiritual dan rohani bagi membentuk sahsiah serta peribadi remaja yang mulia dan bermotivasi tinggi.** Program ini dilaksanakan oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Daerah Alor Gajah dan warga pendidik SMK Dato' Dol Said.
5. Pada sebelah petang, YB Adly telah mengadakan **Lawatan Ziarah Mahabbah ke lima buah rumah di sekitar Asahan.** Selain beramah mesra, YB Adly turut menyampaikan bantuan sumbangan kewangan dan Bakul Rahmah. **Program ini adalah sebahagian daripada komponen dalam Program Ilmu dan Muafakat (PIKAT)** yang telah bermula pada 24 Oktober

2024. Program ini dikoordinasikan bersama-sama dengan pihak KAGAT, Pusat Khidmat Alor Gajah dan kariah Masjid Ar-Rasyidin, Alor Gajah.

6. Selain daripada itu, program selama tiga hari ini diteruskan dengan inisiatif Veteran Desa Madani yang mana YB Timbalan Menteri Pertahanan telah **menyantuni dua orang veteran ATM serta seorang bala veteran ATM** di sekitar Alor Gajah. Dalam kunjungan tersebut, YB Adly telah beramah mesra dan turut menyerahkan sumbangan Bakul Makanan bagi meringankan beban mereka.

7. Program diakhiri dengan **Majlis Penyerahan Rumah Bina baharu bagi vetera ATM iaitu Puan Bedah binti Din dan Encik Mohd Rozlan bin Abdul Wahid**. Kedua-dua penerima ini adalah di antara penerima manfaat di bawah Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM yang diusahakan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV). Melalui inisiatif ini, pihak JHEV akan membiayai Kos pembinaan setiap unit rumah baharu iaitu sebanyak RM55,000 manakala Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan memberi subsidi di bawah skim mereka sebanyak RM20,000.

8. Dalam majlis tersebut, turut diadakan sesi penyampaian lebihan Wang Takaful Bank Muamalat kepada lima orang penerima. Mewakili JHEV ATM dalam majlis terebut kelak ialah Ketua Pengarah JHEV ATM iaitu Mejaz jeneral Dato' Haji Semaon bin Haji Marjuki.

9. Program Jiwa Murni yang diadakan selama tiga hari di Alor Gajah, Melaka yang merangkumi program PIKAT, Pebaikan Rumah oleh RAJD serta Program Motivasi Pelajar adalah selaras dengan Teras 4 Pelan Strategik Kementerian Pertahanan 2021 – 2025 yang bertujuan memantapkan kolaborasi tentera – awam (CIMIC) seterusnya meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan ATM selain penglibatan menyeluruh masyarakat dalam aspek pertahanan dan keselamatan negara. Manakala, Program Veteran Desa Madani pula diadakan bagi memenuhi aspirasi Kementerian Pertahanan yang sentiasa '**Responsif, Prihatin dan Komited**' dalam menjaga kesejahteraan dan kebajikan veteran, Teras 3 Pelan Strategik Kementerian selain memenuhi pembangunan dasar **Malaysia Madani** (Teras Ihsan).

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 26 Oktober 2024